

Dana saham kedua luaskan pelaburan bumiputera

UM 18 SEP 2003
KUALA LUMPUR, 12 Sept. - Dana saham amanah kedua iaitu Dana Harapan akan ditubuhkan sebagai langkah ke arah memperluaskan lagi peluang pelaburan khususnya kepada bumiputera.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, dana itu akan diuruskan oleh pengurus dana profesional serta berpengalaman dan akan menggembleng tabung dan modal bumiputera.

Menurut beliau, cadangan itu selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan membolehkan bumiputera memiliki ekuiti sekurang-kurangnya 30 dalam sektor korporat.

"Adalah diharapkan saham ini tidak dijual oleh bumiputera," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, setelah 46 tahun

merdeka, Bumiputera perlu sedar kesilapan mereka dan berusaha membetulkannya.

Beliau berkata, kerajaan juga mempunyai banyak aset yang bernilai tinggi yang masih belum digunakan sepenuhnya.

Bagi memaksimakan pulangan katanya, kerajaan akan mengambil langkah untuk 'unlock' aset berkenaan supaya ia secara langsung akan menambah kewangan kerajaan.

Di samping itu menurut beliau, ia juga memberi peluang kepada pihak tertentu mengguna aset-aset berkenaan untuk menjana pulangan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.